



**INTERNATIONAL RESEARCH COLLABORATION FUND (IREC Fund)
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)**

LATARBELAKANG:

Penyelidikan harus dijalankan secara kerjasama dengan pihak antarabangsa. Jalinan kerjasama di antara USM dengan pihak antarabangsa ini merupakan satu titik permulaan dalam menterjemah dan mempertingkatkan hasil penyelidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Ia juga merupakan salah satu penanda aras kejayaan penyelidikan yang diharapkan dapat membuahkan penemuan baru dalam pelbagai disiplin.

TUJUAN:

Dana ini diperkenalkan untuk mempertingkatkan jalinan kerjasama penyelidikan di peringkat antarabangsa bagi geran yang mempunyai 'track record' penyelidikan supaya boleh lebih menyerlah.

SYARAT-SYARAT:

- Terbuka kepada Ketua Penyelidik (PI) bagi geran yang masih aktif dalam tempoh semasa mengemukakan permohonan ini. Geran bermaksud geran yang telah melalui proses penilaian luar (peer reviewed) dan mempunyai laporan kemajuan terakhir yang memuaskan.
- Jumlah peruntukan yang dimohon hendaklah **tidak** melebihi siling **RM300,000.00 bagi setiap projek untuk tempoh maksimum tiga (3) tahun.**
- Permohonan yang dikemukakan mestilah berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan di bawah geran tersebut.

PENILAIAN

Penilaian akan dilakukan mengikut kaedah yang ditetapkan. Ketua penyelidik dan ahli yang memohon geran ini tidak boleh menjadi penilai dalam proses ini.

KEPUTUSAN

Keputusan ini adalah tertakluk kepada penilaian dan rujukan luar yang boleh dibuat oleh Universiti.

KAEDAH PERMOHONAN:

Tarikh akhir penghantaran borang permohonan pada **7 September 2012**.

Permohonan lengkap perlulah dimajukan kepada :
Pejabat Pengurusan dan Kreativiti Penyelidikan (RCMO)
Aras 6, Bangunan Canselori
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang

